

06 JAN 1997

SIMPANAN NASIONAL AKAN MENINGKAT TAHUN INI, KATA SEE WAH

KUALA LUMPUR, 6 Jan (Bernama) -- Simpanan nasional akan meningkat kepada 41.2 peratus daripada Keluaran Negara Kasar (KNK) Malaysia tahun ini berbanding dengan 38.8 peratus KNK dalam 1996, kata timbalan menteri kewangan Datuk Wong See Wah hari ini.

Katanya walaupun kadar simpanan Malaysia adalah tinggi dalam 1996, paras pelaburan adalah lebih tinggi, iaitu pada 45.1 peratus daripada KNK.

Oleh itu, terdapat keperluan untuk menggalakkan simpanan nasional pada paras yang lebih tinggi supaya dapat mengurangkan pengalihan kepada simpanan asing, terutama sekali pinjaman luar untuk membiayai pelaburan nasional, katanya sebelum melancarkan unit amanah kedua Pacific Mutual Fund, Pacific Pearl Fund, di sini.

Wong berkata menjelang tahun 2020, kerajaan menjangkakan bahawa dana-dana unit amanah akan menyumbang kira-kira 40 peratus kepada permodalan pasaran Bursa Saham Kuala Lumpur dan akan mencatatkan pertumbuhan 30 peratus.

Pada masa ini, industri unit amanah, termasuk dana yang diuruskan oleh Permodalan Nasional Bhd (PNB), cuma menyumbang 7.5 peratus daripada permodalan pasaran BSKL berbanding dengan 30 peratus dan lebih dalam pasaran-pasaran maju, katanaya.

Katanya perkongsian dana unit amanah yang diuruskan oleh sektor swasta, tidak termasuk PNB, hanya menyumbang 1.4 peratus kepada permodalan pasaran saham.

Beliau berkata pembangunan seterusnya industri unit amanah akan membantu mencapai kadar simpanan nasional yang lebih tinggi.

Penubuhan sebuah jawatankuasa Kabinet dan pelancaran galakan menabung baru-baru ini oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga akan menyokong tabungan nasional, katanya.

Langkah lain termasuk memberi galakan kepada industri unit amanah termasuk pengliberalan skim pengeluaran Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk membolehkan pencarum melabur dalam dana-dana amanah yang diluluskan melalui Skim Pelaburan Pencarum KWSP.

Satu langkah besar ialah penggubalan Peraturan (Skim Unit Amanah) Suruhanjaya Sekuriti 1996 untuk memastikan bahawa industri-industri dimajukan dalam cara yang lebih berkesan dan lebih cekap.

Dari segi saiz industri, Wong berkata jumlah dana unit amanah yang diluluskan telah meningkat daripada 39 dalam 1992 kepada 74 sehingga September tahun lepas, membabitkan peningkatan nilai aset bersih dana yang dikumpul daripada RM16 bilion kepada RM53 bilion. -- BERNAMA

YY SIA